

**BUKU ELEKTRONIK (E-BOOK) SEBAGAI MEDIA  
PEMASARAN BARU BAGI MENINGKATKAN  
PENJUALAN PRODUK DALAM SYARIKAT  
PEVEYHACK PRODUCTION**

**ISMA SHAHMI BIN ISMA SHUKRI**

**IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF  
DENGAN KEPUJIAN**

**2021**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**BUKU ELEKTRONIK (E-BOOK) SEBAGAI MEDIA  
PEMASARAN BARU BAGI MENINGKATKAN  
PENJUALAN PRODUK DALAM SYARIKAT  
PEVEYHACK PRODUCTION**

ISMA SHAHMI BIN ISMA SHUKRI

C17A0063

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada  
syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif  
dengan kepujian

---

**FAKULTI TEKNOLOGI WARISAN (FTKW)  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- / **TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.  
Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

*isma*

ISMA SHAHMI BIN ISMA SHUKRI

ENCIK ARIFF BIN ARIFFIN

Tarikh: 15 JULAI 2021

Tarikh: 15 JULAI 2021

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

*isma*

---

Tandatangan

Nama Pelajar: Isma Shahmi Bin Isma Shukri

No Matrik: C17A0063

Tarikh: 15 Julai 2021

Tandatangan Penyelia

---

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: En Ariff Bin Ariffin

Cop:

Tarikh: 15 Julai 2021

## PENGHARGAAN

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah syukur saya kehadiran illahi dan limpah kurniaNya kerana saya akhirnya berjaya menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Encik Ariff bin Ariffin, diatas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, pandangan dan kritikan yang membina kepada saya dalam menyiapkan kajian ini

Selain itu, terima kasih juga kepada kedua-dua ibubapa saya yang sering memberikan dorongan serta sokongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan serta yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana mereka banyak membantu saya untuk mendapatkan maklumat-maklumat serta tunjuk ajar yang saya perlukan sepanjang kajian saya. Tanpa kerjasama mereka semua, tidak mungkin saya dapat menyiapkan kajian ini.

**BUKU ELEKTRONIK (E-BOOK) SEBAGAI MEDIA PEMASARAN BARU  
BAGI MENINGKATKAN PENJUALAN PRODUK DALAM SYARIKAT  
PEVEYHACK PRODUCTION**

**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan adalah untuk menghasilkan buku elektronik (E-Book) sebagai media pemasaran baru bagi meningkatkan penjualan produk dalam syarikat Peveyhack Production. Penggunaan buku elektronik ini adalah bertujuan untuk memudahkan pihak syarikat menyampaikan maklumat berkaitan produk mereka kepada pelanggan. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti penerimaan penggunaan buku elektronik ini sebagai medium pemasaran baru bagi memudahkan syarikat Peveyhack Production menyampaikan maklumat berkaitan dengan produk mereka. Selain itu, pengkaji juga ingin mengkaji tahap keberkesanan penggunaan buku elektronik ini dalam menyampaikan maklumat kepada pelanggan mereka. Penggunaan buku elektronik ini digunakan untuk memudahkan syarikat memasukkan maklumat perniagaan syarikat yang dijalankan, produk serta servis yang dijual oleh syarikat.

**Kata kunci:** Buku elektronik, media pemasaran, menyampaikan maklumat

# **ELECTRONIC BOOKS (E-BOOKS) AS A NEW MARKETING MEDIA TO INCREASE PRODUCT SALES IN PEVEYHACK PRODUCTION COMPANY**

## **ABSTRACT**

This study was conducted to produce electronic books (E-Book) as a new marketing medium to increase product sales in the company Peveyhack Production. The use of this electronic book is intended to make it easier for companies to convey information related to their products to customers. The objective of this study was to identify the acceptance of the use of these electronic books as a new marketing medium to facilitate Peveyhack Production companies to deliver information related to their products. In addition, researchers also want to study the level of effectiveness of the use of these electronic books in conveying information to their customers. The use of this electronic book is used to make it easier for the company to enter information on the company's business, products and services sold by the company.

**Keywords:** Electronic books, marketing media, conveying information

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Isi Kandungan	iv-vi
Senarai Rajah	vii-viii
Senarai Carta	ix
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1-3
1.1 Latar Belakang Kajian	3-4
1.2 Pernyataan Masalah	4-5
1.3 Limitasi Dan Skop Kajian	5-6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Manfaat Penyelidikan	
1.6.1 Manfaat Kajian Kepada Syarikat	8
1.6.2 Manfaat Kajian Kepada Pengkaji Lain	9
1.6.3 Manfaat Kajian Kepada Masyarakat	9-10
1.7 Kesimpulan	10-11

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.0 Pendahuluan	12-13
2.1 Sorotan Kajian	13-17
2.2 Kesimpulan	18

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Metodologi Kajian	19
3.1 Kaedah Kajian	
3.1.1 Kaedah Kuantitatif	19-20
3.1.2 Kaedah Kualitatif	20
3.1.3 Data Sekunder	21
3.2 Carta Aliran Penyelidikan	22
3.3 Carta Gantt	23
3.4 Kesimpulan	24

**BAB 4 ANALISIS DATA DAN PEMBANGUNAN PRODUK**

4.0 Pengenalan	25
4.1 Analisis Data	26-54
4.1.1 Bahagian A: Maklumat Responden	
4.1.2 Bahagian B: Mengukur Tahap Pemahaman Responden	
4.1.3 Bahagian C: Soalan Mengenai Objektif Dan Isi Kajian	
4.2 Pembangunan Produk	54
4.3 Proses Penghasilan Buku Elektronik	55-58
4.4 Kesimpulan	58

**BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0 Pengenalan	59
5.1 Rumusan Kajian	59-60
5.2 Cadangan Kajian	60-61
5.3 Kesimpulan	61-62
<b>RUJUKAN</b>	63-64
<b>LAMPIRAN</b>	65-68

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

<b>RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1: Carta Alir Penyelidikan	22
Rajah 2: Carta Gantt	23
Rajah 3: Bilangan responden mengikut jantina	26
Rajah 4: Bilangan responden mengikut umur	27
Rajah 5: Bilangan responden mengikut bangsa	28
Rajah 6: Bilangan responden menjawab soalan 1	29
Rajah 7: Bilangan responden menjawab soalan 2	30
Rajah 8: Bilangan responden menjawab soalan 3	31
Rajah 9: Bilangan responden menjawab soalan 4	32
Rajah 10: Bilangan responden menjawab soalan 5	33
Rajah 11: Bilangan responden menjawab soalan 6	34
Rajah 12: Bilangan responden menjawab soalan 7	36
Rajah 13: Bilangan responden menjawab soalan 8	37
Rajah 14: Bilangan responden menjawab soalan 9	38
Rajah 15: Bilangan responden menjawab soalan 10	39
Rajah 16: Bilangan responden menjawab soalan 11	41
Rajah 17: Bilangan responden menjawab soalan 12	42
Rajah 18: Bilangan responden menjawab soalan 1	43
Rajah 19: Bilangan responden menjawab soalan 2	44
Rajah 20: Bilangan responden menjawab soalan 3	45
Rajah 21: Bilangan responden menjawab soalan 4	47
Rajah 22: Bilangan responden menjawab soalan 5	48
Rajah 23: Bilangan responden menjawab soalan 6	49
Rajah 24: Bilangan responden menjawab soalan 7	50

Rajah 25: Bilangan responden menjawab soalan 8	51
Rajah 26: Bilangan responden menjawab soalan 9	52
Rajah 27: Bilangan responden menjawab soalan 10	53
Rajah 28: Merekabentuk buku elektronik	55
Rajah 29: Memasukkan bingkai gambar kedalam buku elektronik	55
Rajah 30: Memasukkan gambar kedalam bingkai	56
Rajah 31: Memasukkan maklumat berkaitan syarikat kedalam buku elektronik	56
Rajah 32: Memasukkan gambar fotografi kedalam buku elektronik	57
Rajah 33: Memasukkan harga pakej produk dan servis syarikat	57
Rajah 34: Memasukkan laman sosial syarikat kedalam buku elektronik	58

## SENARAI CARTA

CARTA	HALAMAN
Carta 1: Peratusan responden mengikut jantina	26
Carta 2: Peratusan responden mengikut umur	27
Carta 3: Peratusan responden mengikut bangsa	28
Carta 4: Peratusan responden yang menjawab soalan 1	29
Carta 5: Peratusan responden yang menjawab soalan 2	30
Carta 6: Peratusan responden yang menjawab soalan 3	31
Carta 7: Peratusan responden yang menjawab soalan 4	32
Carta 8: Peratusan responden yang menjawab soalan 5	33
Carta 9: Peratusan responden yang menjawab soalan 6	34
Carta 10: Peratusan responden yang menjawab soalan 7	36
Carta 11: Peratusan responden yang menjawab soalan 8	37
Carta 12: Peratusan responden yang menjawab soalan 9	38
Carta 13: Peratusan responden yang menjawab soalan 10	39
Carta 14: Peratusan responden yang menjawab soalan 11	41
Carta 15: Peratusan responden yang menjawab soalan 12	42
Carta 16: Peratusan responden yang menjawab soalan 1	43
Carta 17: Peratusan responden yang menjawab soalan 2	44
Carta 18: Peratusan responden yang menjawab soalan 3	45
Carta 19: Peratusan responden yang menjawab soalan 4	47
Carta 20: Peratusan responden yang menjawab soalan 5	48
Carta 21: Peratusan responden yang menjawab soalan 6	49
Carta 22: Peratusan responden yang menjawab soalan 7	50
Carta 23: Peratusan responden yang menjawab soalan 8	51
Carta 24: Peratusan responden yang menjawab soalan 9	52
Carta 25: Peratusan responden yang menjawab soalan 10	53

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 PENGENALAN

Multimedia merupakan proses komunikasi interaktif yang menggunakan komputer dimana ianya menggabungkan penggunaan pelbagai unsur-unsur seperti video, teks, audio, animasi dan juga grafik bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Perkataan ‘multi’ merujuk kepada kepelbagaian alat yang digunakan untuk berkomunikasi kepada orang ramai manakala ‘media’ merujuk kepada penggunaan teknologi komputer untuk mencipta sesebuah komunikasi dengan menggunakan kandungan multimedia. Buku elektronik ini bersifat tanpa wayar dan beroperasi dalam bentuk jaringan internet atau rangkaian setempat (Local Area Network) (Godwin 2003). Tujuan penggunaan multimedia ini adalah untuk menjadikan sesebuah informasi itu menarik dan mampu menarik minat orang ramai untuk melihat maklumat yang ingin disampaikan. Di zaman yang moden ini, penggunaan buku elektronik (E-book) juga sering digunakan oleh orang ramai untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Penggunaan buku elektronik ini semakin popular digunakan oleh orang ramai kerana ianya mudah dibawa dan senang untuk digunakan kerana ianya dapat dibuka menggunakan komputer, notebook, laptop dan juga telefon bimbit. Buku elektronik merupakan sejenis medium penyampaian maklumat yang merujuk kepada

penggunaan data digital seakan buku yang mengandungi pelbagai maklumat serta digabungkan dengan elemen-elemen multimedia untuk membuatnya kelihatan menarik.

Peveyhack Production merupakan sebuah syarikat fotografi perkahwinan dan juga videografi yang diasaskan oleh Rashdi Amin pada akhir tahun 2006. Syarikat ini memulakan perniagaan fotografi perkahwinan bermula tahun 2007 yang bertempat di Kajang, Selangor. Syarikat Peveyhack Production telah merangkumi lebih daripada 1000 upacara perkahwinan dan acara di seluruh negeri pada tahun pertama penubuhan syarikat ini. Penggunaan buku elektronik adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat-maklumat serta perniagaan yang dijalankan oleh syarikat ini kepada orang ramai. Hal ini dapat memudahkan pekerja-pekerja di syarikat Peveyhack Production untuk menerangkan perniagaan dan produk yang dijual kepada pelanggan apabila pelanggan menanyakan tentang produk mereka kepada pekerja-pekerja syarikat mereka di dalam sosial.

Permasalahan yang berlaku di dalam syarikat ini adalah kurang membuat pengiklanan yang berkesan menyebabkan sesetengah pelanggan tidak mengetahui apakah perniagaan yang dilakukan oleh syarikat Peveyhack Production ini. Pengiklanan di dalam sosial media juga kurang dilakukan oleh syarikat ini telah membawa kepada permasalahan pelanggan yang kadang menyangka bahawa syarikat Peveyhack ini menjual barang-barang perkahwinan seperti baju kahwin dan lain-lain lagi. Hal ini kerana pengiklanan yang dihasilkan oleh syarikat ini di media sosial kurang memberi maklumat yang lengkap berkaitan dengan perniagaan yang dilakukan menyebabkan pelanggan keliru dengan produk yang dijual di syarikat ini. Penggunaan medium pemasaran dalam menyampaikan maklumat berkaitan syarikat perlu digunakan supaya ianya dapat memudahkan pekerja syarikat ini mempromosikan



produk mereka kepada pelanggan dengan mudah di dalam bentuk buku elektronik. Maklumat berkaitan dengan syarikat dan juga produk yang dijual akan dimasukkan ke dalam buku elektronik ini agar dapat memudahkan pekerja syarikat Peveyhack ini dapat mempromosikan syarikat mereka dengan mudah kepada pelanggan di media sosial

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Buku elektronik merupakan sebuah buku yang tersedia dalam bentuk digital dimana ianya menggabungkan elemen-elemen multimedia seperti grafik, teks, audio, animasi dan video untuk kelihatan menarik. Penggunaan buku elektronik ini hanya boleh dibuka melalui komputer ataupun peranti elektronik yang lain seperti telefon bimbit. Penggunaan buku elektronik sebagai media pemasaran baru juga dapat digunakan supaya ianya kelihatan menarik selain daripada menggunakan laman sesawang dan media sosial. Penggunaan buku elektronik ini bertujuan untuk kegunaan syarikat dalam menyampaikan maklumat berkaitan dengan produk yang dijual di dalam sebuah buku kepada pelanggan mereka. Hal ini dapat memudahkan pelanggan untuk melihat produk yang dijual oleh syarikat Peveyhack Production.

Kajian berkaitan dengan buku elektronik dalam pemasaran kurang dikaji oleh pengkaji yang lain. Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan penggunaan buku elektronik ini sebagai media pemasaran baru dalam meningkatkan penjualan produk bagi sesebuah syarikat. Hal ini kerana dengan adanya buku elektronik, pihak syarikat dapat menyampaikan maklumat berkaitan dengan produk yang dijual dengan mudah kepada pelanggan. Pihak syarikat hanya perlu mengedarkannya kepada pelanggan supaya mereka dapat melihat dengan

mudah apakah produk yang dijual oleh syarikat tersebut. Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat diteruskan oleh pengkaji lain dalam mengembangkan lagi penggunaan buku elektronik di dalam pemasaran.

Oleh itu, kajian ini perlulah diteruskan bagi membantu syarikat diluar sana untuk menggunakan buku elektronik sebagai media pemasaran sekaligus dapat mempromosikan syarikat mereka kepada orang ramai.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Permasalahan yang berlaku di dalam syarikat Peveyhack Production ini ialah syarikat ini kurang membuat pengiklanan yang berkesan di dalam media sosial berkaitan syarikat mereka. Syarikat Peveyhack kurang membuat pengiklanan secara digital menyebabkan sesetengah pelanggan tidak mengetahui produk atau servis yang dibuat oleh syarikat ini. Penggunaan media digital yang berkesan mampu menarik orang ramai serta dapat mempromosikan produk mereka dengan mudah dan lebih berkesan. Penggunaan media digital seperti buku elektronik, pemasaran digital, online katalog, book design dan digital book dapat menjadikan media pengiklanan itu lebih menarik dan sekaligus dapat mempromosikan produk mereka dengan mudah. Menurut pekerja di bahagian marketing syarikat ini, sesetengah pelanggan sering menghantar pesanan di media sosial yang menanyakan kepada mereka apakah servis dan produk yang dijual oleh syarikat mereka. Ada sesetengah pelanggan menyangkakan bahawa syarikat ini juga menjual baju kahwin sedangkan syarikat ini hanya menjalankan servis fotografi dan juga videografi.

Selain itu, pemerhatian yang saya lakukan pada laman web syarikat ini juga tidak menerangkan lebih terperinci berkaitan produk yang dijual selain daripada fotografi perkahwinan dan juga videografi. Hal ini menyebabkan terjadinya kekeliruan kepada pelanggan terhadap syarikat mereka. Penggunaan multimedia dalam mempromosikan syarikat juga amat penting bagi menghasilkan promosi yang menarik berkaitan produk yang ingin dijual. Dengan adanya gabungan elemen multimedia seperti audio, grafik, animasi, video dan teks dapat menarik orang ramai untuk melihat apa yang ingin disampaikan. Ini sekaligus dapat mempromosikan syarikat mereka kepada orang ramai dengan memasukkan buku elektronik ini kedalam laman sosial mereka. Dengan menggunakan buku elektronik ini, syarikat Peveyhack production dapat memasukkan segala maklumat berkaitan syarikat, gambar-gambar perkahwinan yang diambil oleh syarikat mereka dan video perkahwinan dapat dimasukkan sekali di dalam buku elektronik ini.

### **1.3 LIMITASI DAN SKOP KAJIAN**

Skop kajian adalah berfokuskan kepada kelemahan pemasaran yang dilakukan oleh Peveyhack Production. Kelemahan pemasaran yang berlaku dalam syarikat ini menyebabkan sesetengah pelanggan tidak mengetahui apakah produk perniagaan yang mereka jual. Hal ini telah menyebabkan pelanggan sering menanyakan kepada pekerja-pekerja syarikat ini adakah mereka menjual baju perkahwinan dan lain-lain lagi. Penggunaan buku elektronik ini digunakan adalah untuk memudahkan pekerja-pekerja di syarikat Peveyhack ini menyampaikan maklumat berkaitan produk mereka serta dapat mempromosikan produk yang dijual oleh syarikat mereka di dalam buku

elektronik tersebut. Penggunaan buku elektronik ini dapat memudahkan syarikat mempromosikan produk mereka menggunakan medium pemasaran yang baru selain daripada menggunakan laman web dan juga laman sosial seperti facebook dan juga Instagram.

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah keutamaan dalam menjalankan sesuatu kajian. Objektif kajian dalam sesuatu kajian amat diperlukan untuk mengetahui apakah sebenar objektif pengkaji ingin membuat kajian. Melalui objektif kajian inilah pengkaji akan dapat membuat soalan berdasarkan apa yang ingin diketahuinya semasa membuat kajian ini. Dengan adanya objektif-objektif yang penting dalam sesuatu kajian ianya akan membantu pengkaji membuat kajian tentang sesuatu tajuk. Sesebuah kajian dapat dilaksanakan dengan lebih baik sekiranya mempunyai objektif kajian yang jelas. Bagi kajian ini, pengkaji meletakkan tiga objektif kajian utama iaitu:

- i. Mengenalpasti rekabentuk buku elektronik untuk pemasaran syarikat Peveyhack Production.
- ii. Mengkaji tahap keberkesanan penggunaan buku elektronik dalam menyampaikan maklumat produk kepada pelanggan.
- iii. Mengenalpasti penerimaan penggunaan buku elektronik sebagai media pemasaran baru bagi memudahkan syarikat Peveyhack Production menyampaikan maklumat berkaitan produk mereka.

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji seharusnya terlebih dahulu menanyakan apakah persoalan yang ada dalam tajuk kajiannya. Melalui persoalan kajian inilah pengkaji boleh mengetahui serba sedikit tentang masalah yang ada berkaitan dengan tajuk pengkaji. Selain itu juga, persoalan kajian yang terdapat dalam kajian ini juga sangat penting kepada pengkaji untuk meneruskan lagi kajiannya dan mengetahui jawapan bagi sesuatu kajian. Daripada beberapa huraian diatas maka didapati beberapa persoalan yang telah dilakukan keatas kajian ini iaitu:

- i. Bagaimanakah rekabentuk buku elektronik yang akan dihasilkan untuk digunakan oleh syarikat Peveyhack Production?
- ii. Adakah buku elektronik ini dapat memberi kesan dalam menyampaikan maklumat produk mereka kepada pelanggan?
- iii. Adakah buku elektronik ini diterima dan dapat membantu syarikat Peveyhack Production menyampaikan maklumat berkaitan produk mereka?

## **1.6 MANFAAT PENYELIDIKAN**

Dalam sesuatu penyelidikan, manfaat penyelidikan haruslah ada untuk melengkapi sesebuah kajian yang dilakukan, dan secara tidak langsung pengkaji dapat mengetahui apakah manfaat penyelidikan tersebut. Manfaat penyelidikan mestilah ada dalam sesuatu kajian yang ingin dilakukan, ini kerana dengan adanya manfaat penyelidikan ianya akan memberikan kesan kepada beberapa pihak yang berkaitan supaya boleh memperbaharui segala kelemahan termasuklah dalam kajian ini. Antara manfaat kajian yang ada dalam kajian ini ialah :

### **1.6.1 MANFAAT KAJIAN KEPADA SYARIKAT**

Manfaat kajian kepada syarikat adalah dapat memudahkan pengurus syarikat Peveyhack Production ini menyampaikan maklumat serta memperkenalkan produk mereka di dalam bentuk buku elektronik. Penggunaan media kreatif dalam mempromosikan produk amat penting kerana ianya mampu menarik minat orang ramai untuk melihat apakah yang ingin disampaikan. Penggunaan media kreatif yang menggabungkan elemen-elemen multimedia seperti grafik, audio, animasi, teks dan juga video dapat menghasilkan sebuah media yang kreatif bagi meningkatkan penjualan produk bagi sesebuah syarikat tersebut. Dengan adanya buku elektronik ini diharap dapat membantu syarikat Peveyhack Production dalam mempromosikan syarikat mereka dengan menggunakan media kreatif selain daripada laman sesawang dan media sosial.

### **1.6.2 MANFAAT KEPADA PENKAJI LAIN**

Manfaat kajian kepada pengkaji lain juga dapat membantu pengkaji lain menjalankan kajian berkaitan dengan penggunaan buku elektronik sebagai media pemasaran baru bagi meningkatkan penjualan produk dalam sesebuah syarikat. Penggunaan multimedia yang berkesan mampu menarik minat orang ramai untuk melihat apakah yang ingin disampaikan oleh sesebuah syarikat sekaligus dapat mempromosikan syarikat mereka kepada orang ramai. Kekurangan kajian berkaitan dengan buku elektronik sebagai media pemasaran baru menyebabkan orang ramai tidak mengetahui tentang kewujudan buku elektronik dapat digunakan sebagai media pemasaran bagi sesebuah syarikat sedangkan dengan penggunaan gabungan multimedia dalam sesebuah media pemasaran ini mampu menarik orang ramai untuk melihat apakah yang ingin disampaikan serta dalam masa yang sama mampu meningkatkan hasil penjualan bagi sesebuah syarikat tersebut.

### **1.6.3 MANFAAT KEPADA MASYARAKAT**

Manfaat kajian kepada masyarakat adalah dapat memudahkan mereka melihat apakah yang ingin disampaikan oleh syarikat berkaitan dengan produk mereka. Pelanggan dapat melihat dengan mudah hasil-hasil produk yang telah dihasilkan oleh syarikat ini dan dapat memberikan mereka keyakinan untuk mendapatkan produk yang mereka tawarkan. Dengan adanya buku elektronik yang menggabungkan unsur-unsur multimedia seperti video, teks, animasi,

grafik dan juga audio ini dapat menarik minat pelanggan untuk membeli sesuatu produk. Pelanggan dapat melihat informasi berkaitan syarikat, gambar-gambar perkahwinan, video perkahwinan yang dihasilkan serta dapat melihat produk yang ditawarkan oleh syarikat mereka dengan menggunakan buku elektronik ini.

## 1.7 KESIMPULAN

Kesimpulan daripada seluruh bab 1 menerangkan serba sedikit berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Pada bahagian pengenalan, pengkaji menceritakan lebih lanjut berkaitan dengan tajuk kajian, tempat kajian yang ingin dikaji dan masalah yang berlaku dalam syarikat tersebut. Bahagian ini amat penting bagi pengkaji lain mengetahui serba sedikit kajian yang ingin dikaji. Pada bahagian latar belakang kajian pula, pengkaji menceritakan balik berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Bahagian pernyataan masalah pula, pengkaji akan menghuraikan tentang masalah-masalah yang terdapat pada tajuk kajian lebih terperinci berbanding dalam pengenalan. Segala masalah yang berlaku akan diceritakan pada bahagian ini. Pada bahagian limitasi dan skop kajian, pengkaji menceritakan kesukaran yang berlaku dalam menyempurnakan kajian ini. Skop kajian pula berfokuskan kepada penilitian pengkaji kepada permasalahan yang berlaku. Pada bahagian objektif kajian adalah objektif yang ingin dikaji dalam sesuatu kajian. Objektif ini penting bagi menyempurnakan kajian yang dilakukan. Persoalan kajian adalah persoalan kepada objektif kajian yang dinyatakan. Melalui persoalan kajian inilah pengkaji boleh mengetahui serba sedikit tentang masalah yang ada berkaitan dengan tajuk pengkaji. Pada bahagian terakhir pada bab 1



ialah manfaat kajian kepada orang ramai. Bahagian ini akan menceritakan manfaat kajian bagi pihak syarikat, pengkaji lain dan juga masyarakat. Sesuatu kajian yang dilakukan perlulah mempunyai manfaatnya kepada orang lain.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pula pengkaji perlu memasukkan sorotan kajian untuk mengukuhkan lagi kajian yang dibuat. Pelbagai cara yang boleh digunakan untuk mencari karya-karya yang berkaitan dengan kajian ini antaranya ialah menggunakan jurnal, buku-buku, risalah dan bahan-bahan rujukan am dan sebagainya. Melalui kaedah ini ianya dapat membantu pengkaji dan dapat memberi pendedahan kepada pengkaji tentang kajian yang dibuat. Melalui sumber-sumber yang telah didapati, pengkaji akan dapat meneruskan kajiannya dengan mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menulis kajiannya.

Kajian terdahulu amat penting dalam sesuatu kajian. Sorotan kajian juga dapat dilihat melalui satu kompenan yang sangat penting dalam menentukan halatuju kajian. Menurut Chuan Yan Piaw (2006) sorotan kajian didefinisikan sebagai rujukan secara kritikal dan sistematik keatas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperolehi maklumat berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan. Tujuan utama sorotan kajian ini ialah meletakkan kajian yang akan dijalankan pada perspektif saintifik dan membantu pengkaji untuk menghubungkan kaitkan

kajian dengan badan pengetahuan (Body of Knowledge). Kajian terdahulu ini penting kerana dengan adanya kajian tersebut, ianya dapat membezakan kajian yang akan kita lakukan dengan kajian-kajian yang pernah dijalankan sebelum ini.

Oleh itu, berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat, tidak banyak kajian secara lanjut yang telah dijalankan oleh pengkaji mengenai kajian terhadap penggunaan buku elektronik sebagai media pemasaran.

## **2.1 SOROTAN KAJIAN**

Sorotan kajian dalam sesuatu kajian haruslah ada untuk membantu pengkaji mendapatkan sumber rujukan dalam membuat kajiannya. Selain itu juga melalui sorotan kajian inilah pengkaji akan memahami secara lebih mendalam tentang apa yang ingin dikaji, melalui sorotan kajian yang diambil ini akan dapat memberi banyak kebaikan kepada pengkaji dalam kajiannya. Sebagai contoh kebaikan yang boleh diambil ialah pengkaji dapat menambah ilmu pengetahuan dan akan dapat mengetahui secara lebih mendalam tentang sesuatu kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu.

Istilah 'buku' merupakan helaian kertas yang berjilid serta mempunyai tulisan serta dapat dibaca dan juga mengandungi ruangan kosong untuk ditulis. Buku elektronik pula merupakan medium penyampaian maklumat yang hanya dapat dibuka menggunakan peranti elektronik seperti komputer, laptop dan juga telefon bimbit. Buku elektronik mempunyai pelbagai bentuk seperti fail PDF, doc, txt dan juga html. Penggunaan buku elektronik sebagai medium pemasaran baru bagi syarikat Peveyhack Production ini adalah untuk memudahkan mereka menyampaikan maklumat tentang

produk dan juga servis yang dibuat oleh syarikat kepada pelanggan. Mereka dapat memberikan buku elektronik tersebut kepada pelanggan supaya pelanggan dapat melihat dan mendapatkan maklumat tentang produk dengan mudah.

Istilah buku elektronik mempunyai pelbagai definisi yang diberikan oleh setiap orang. Definisi buku elektronik yang diberikan secara umum adalah merupakan medium penyampaian yang digunakan bagi menyampaikan sesuatu maklumat kepada orang ramai dalam penggunaan data digital yang sama seakan buku yang menggabungkan elemen-elemen multimedia seperti grafik, teks, audio, video dan juga animasi. Penggunaan buku elektronik hanya boleh dibaca menggunakan perisian komputer, tablet dan juga telefon bimbit.

Buku elektronik atau buku digital merupakan penerbitan yang terdiri daripada teks, gambar dan suara dan diterbitkan dalam bentuk digital yang dapat dibuka menggunakan komputer atau peranti elektronik yang lain seperti telefon bimbit dan juga tablet. (Mentari, dkk., 2018: 131). Buku elektronik hanya boleh dibuka menggunakan peranti elektronik untuk melihat kandungan yang telah ditulis. Buku elektronik ini kadangkala dibuat tanpa versi cetak yang dihasilkan dan dijual secara komersial yang bertujuan untuk dibaca oleh pembaca. Kecanggihan era digital sekarang telah menyebabkan semua peranti elektronik mempunyai skrin paparan yang dapat dikawal termasuk komputer dan telefon bimbit yang dapat menggunakan atau membaca buku elektronik ini.

Banyak pembaca buku elektronik juga dapat mengakses buku elektronik dari pelbagai sumber melalui laman web dan membacanya dari pelbagai platform. (Jacob, 2014: 2). Satu kajian di Belanda dipetik dari jurnal *A Study of E-Books And C-Books Utilization by University Students and Faculties in Kenya* menunjukkan bahawa dengan

berkembangnya buku elektronik, e reader dan juga tablet yang dijual, maka dunia buku elektronik sekarang menjadi semakin digital.

Buku elektronik bukan sahaja mengenai perkembangan era digital itu sendiri atau gaya penerbitan sumber membaca yang baru, tetapi juga mengenai kemudahan bagi manusia itu sendiri. Ini bermaksud bahawa kewujudan buku elektronik tidak lain adalah untuk manusia mendapatkan akses mudah untuk menambahkan wawasan dan pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa buku elektronik ini dapat memudahkan manusia untuk mendapatkan maklumat. Penggunaan buku elektronik sebagai medium pemasaran dalam mempromosikan produk syarikat dapat memudahkan pelanggan mendapatkan maklumat berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh sesebuah syarikat. Pekerja juga dapat memasukkan segala maklumat berkaitan produk kedalam buku elektronik tersebut dan dapat diedarkan kepada pelanggan dengan mudah.

Menurut sarjana seperti Lynch (2001) dan Clister (1999) memberikan definisi bahawa buku elektronik merupakan peranti atau kelengkapan membaca menggunakan peranti elektronik. buku elektronik tidak hanya dibaca menggunakan telefon pintar, tetapi juga dapat dibaca menggunakan komputer. Penggunaan buku elektronik ini juga dapat digunakan didalam pemasaran sesebuah produk. Ramai yang menggunakan buku elektronik sebagai medium promosi. Ini adalah kaedah yang berkesan untuk menarik perhatian bakal pelanggan. Di mana promosi ni dapat dihantar melalui e-mel, ada yang menghantar menggunakan whatsapp dan juga SMS yang berisi pautan buku elektronik ini. Buku elektronik ini mempunyai banyak fungsi yang tersendiri, bergantung pada bagaimana setiap orang menggunakannya.

Menurut Norshuhada et al (2003) mengatakan bahawa buku elektronik merupakan buku yang ditulis menggunakan kertas lalu ditukarkan kepada bentuk

digital melalui proses pendigitalan yang dapat digunakan menggunakan skrin komputer. Selain sebagai alat penyebaran maklumat dan pembelajaran, buku elektronik juga bertujuan untuk memudahkan penciptaan buku, menjimatkan kos pembuatan buku dan memudahkan proses penyebaran maklumat kepada orang ramai. Buku elektronik sangat bergantung pada kepastian teknologi untuk menyedarkan orang tentang literasi terhadap buku elektronik ini. Buku elektronik ini juga bukan sahaja dapat diedarkan melalui rangkaian komputer malah boleh juga dihantar melalui flash dan juga cakera keras.

Menurut Connaway (2003) mengatakan bahawa buku elektronik merupakan buku tradisional yang ditukarkan kepada format elektronik di samping memanfaatkan teknologi internet bagi menjadikannya mudah dan berkesan untuk digunakan. Buku elektronik dipaparkan secara elektronik dalam bentuk fail yang terdapat dalam beberapa format seperti pdf, mobi, epub dan sebagainya. Kegunaan buku elektronik menjadikan gaya pembacaan yang lebih ringkas dan menarik.

Penggunaan buku elektronik sememangnya mudah digunakan sebagai media pemasaran. Rekabentuk buku elektronik perlulah sesuai bagi sesebuah syarikat untuk mempromosikan syarikat mereka kepada orang ramai. Sesebuah syarikat tidak menggunakan teknologi pemasaran yang menarik dalam mempromosikan syarikat mereka kepada orang ramai. Ketiadaan promosi serta pemasaran yang kurang efektif akan menyebabkan produk yang mereka jual kurang dikenali oleh orang ramai. Penggunaan buku elektronik yang mempunyai rekabentuk yang sesuai untuk pemasaran produk perlulah sesuai supaya ianya dapat membantu syarikat mempromosikan produk mereka dengan lebih berkesan. Dengan adanya maklumat yang lengkap berkaitan syarikat di dalam buku elektronik tersebut, ianya akan

memudahkan pelanggan untuk melihat lebih mendalam berkaitan dengan produk yang dijual.

Rekabentuk buku elektronik yang memainkan peranan penting dalam menarik pelanggan untuk melihat kandungan buku elektronik tersebut. Menurut buku yang bertajuk '*Multimedia dalam Pendidikan*' yang ditulis oleh Jamalludin Harun (2005), beliau mengatakan bahawa rekabentuk merupakan fasa kerja yang akan menentukan rupa sesebuah produk yang akan dihasilkan. Rekabentuk juga merupakan proses yang dibahagikan kepada beberapa fasa kerja yang utama. Antara fasanya ialah rekabentuk informasi, rekabentuk interaksi dan rekabentuk antara muka atau pun persembahan. Sebagaimana contoh rekabentuk dalam menentukan apakah produk atau bahan yang ingin dibangunkan serta strategi yang akan digunakan.

Rekabentuk buku elektronik perlulah bersesuaian bagi syarikat supaya ianya kelihatan menarik, sesuai digunakan dan mesra pengguna. Rekabentuk yang mudah digunakan akan memudahkan pelanggan untuk menggunakan buku elektronik tersebut. Di dalam buku elektronik tersebut akan dimasukkan informasi berkaitan dengan syarikat, video dan gambar yang ditangkap serta produk lain yang dijual akan diletakkan di dalam buku elektronik tersebut. Hal ini akan memudahkan pihak syarikat memberikan buku elektronik tersebut kepada pelanggan dengan mudah sekaligus dapat mempromosikan syarikat dan meningkatkan jualan syarikat ini.

## 2.2 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan sorotan kajian dalam sesebuah kajian sangat penting. Sorotan kajian yang ada dapat membantu pengkaji membuat kajian ini dengan lebih baik. Dalam sorotan kajian ini pengkaji akan dapat mengetahui secara lebih terperinci tentang apa yang hendak dikaji. Bab dua juga akan menerangkan tentang sumber-sumber dapatan yang diambil oleh pengkaji, dengan ini secara langsung pembaca akan mengetahui dari mana sumber-sumber yang telah diperolehi oleh pengkaji.



## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah metodologi akan menerangkan tentang kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkaitan dengan tajuk yang dipilih iaitu “Buku Elektronik (E-Book) sebagai media pemasaran baru bagi meningkatkan penjualan produk dalam syarikat Peveyhack Production”. Dalam menjalankan kajian, pengkaji menggunakan kaedah mencari maklumat dari buku, pemerhatian dan juga soal selidik sebagai medium kajian untuk mendapatkan maklumat.

##### **3.1.1 KAEDAHKAJIAN**

##### **3.1.2 KAEDAHKUANTITATIF**

Kajian soal selidik digunakan bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Kajian menggunakan soalan soal selidik sering digunakan kerana ianya mudah diedarkan kepada orang ramai

melalui hardcopy ataupun secara online iaitu menggunakan 'google form' sahaja. Tujuan soalan soal selidik digunakan adalah untuk mendapatkan data kajian berkaitan dengan penggunaan buku elektronik di syarikat Peveyhack Production ini.

### **3.1.2 KAEDAH KUALITATIF**

Bagi mendapatkan maklumat awal tentang tajuk yang ingin dikaji, pengkaji telah memulakan pemerhatian berkaitan dengan masalah di syarikat Peveyhack Production ini. Pemerhatian yang dilakukan adalah untuk melihat bagaimana syarikat Peveyhack Production memasarkan produk mereka di media sosial. Pemerhatian yang dilakukan dengan melihat laman facebook syarikat menunjukkan syarikat ini kurang mempromosikan produk-produk di laman sosial menyebabkan sesetengah pelanggan tidak tahu kewujudan syarikat ini sebagai syarikat fotografi. Ada pelanggan yang tersalah anggap bahawa syarikat ini adalah syarikat menjual alat perkahwinan disebabkan kurangnya membuat pemasaran di laman sosial mereka. Laman sesawang mereka juga tidak menjelaskan lebih terperinci berkaitan produk yang dijual menyebabkan pelanggan tidak mengetahui lebih mendalam berkaitan produk yang ada di syarikat mereka.

### 3.1.3 DATA SEKUNDER

Pengkaji juga memilih untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan kajian menggunakan kaedah sekunder. Kaedah sekunder adalah kaedah yang dilakukan berdasarkan bahan-bahan ilmiah sebagai rujukan dan panduan dalam kajian. Antara data sekunder yang digunakan di dalam kajian ini ialah :


#### a. Kajian Perpustakaan

Pengkaji perlu merujuk kepada pembacaan ilmiah seperti buku dan artikel bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

#### b. Sumber Internet

Selain menggunakan rujukan bahan-bahan ilmiah, pengkaji juga menggunakan sumber internet bertujuan untuk menambahkan maklumat berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan.

### 3.2 CARTA ALIRAN PENYELIDIKAN



**Rajah 1: Carta Alir Penyelidikan**

### 3.3 CARTA GANTT

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Pemilihan Tajuk																
Permasalahan dan Objektif																
Skop Penyelidikan dan Kepentingan Kajian																
Persoalan Kajian																
Kajian Literatur																
Metodologi																
Kaedah Kajian																
Pembentangan																

**Rajah 2: Carta Gantt**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.4 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, metodologi kajian merupakan bahagian yang amat penting dalam memperolehi data kajian. Hal ini kerana untuk mendapat hasil kajian yang baik, metodologi kajian harus dititikberatkan dalam kajian bagi mendapatkan data kajian yang bersesuaian. Oleh yang demikian, metodologi kajian amat penting untuk menjalankan kajian penggunaan buku elektronik sebagai media pemasaran bagi melihat keberkesanan penggunaan buku elektronik dalam syarikat Peveyhack Production ini.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA DAN PEMBANGUNAN PRODUK**


#### **4.0 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan tentang analisis data yang telah diperolehi berdasarkan dapatan kajian yang telah pun dibuat. Analisis yang digunakan oleh pengkaji adalah menggunakan google form untuk membuat soalan soal selidik untuk dibagikan kepada responden. Seramai 31 orang responden telah menjawab soalan soal selidik yang diberikan secara online kepada orang ramai. Penggunaan soalan soal selidik secara online dapat memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data yang lebih tepat mengenai kajian yang dijalankan.

## 4.1 ANALISIS DATA

### 4.1.1 BAHAGIAN A: MAKLUMAT RESPONDEN

Jantina  
31 responses



Carta 1: Peratusan responden mengikut jantina


Jantina	Lelaki	Perempuan
Jumlah	18 orang (58.1%)	13 orang (41.9%)

Rajah 3: Bilangan responden mengikut jantina

Carta 1 menunjukkan responden lelaki adalah seramai 18 orang bersamaan 58.1% manakala responden perempuan adalah seramai 13 orang iaitu bersamaan 41.9%. Melalui carta pai ini menunjukkan lelaki lebih ramai memilih syarikat Peveyhack Production berbanding dengan perempuan.



Umur  
31 responses




Carta 2: Peratusan responden mengikut umur

Umur	18-23 tahun	24-29 tahun	30-35 tahun	36 tahun keatas
Jumlah	-	-	19 orang (61.3%)	12 orang (38.7%)

Rajah 4: Bilangan responden mengikut umur

Carta 2 menunjukkan responden yang berumur 30-35 tahun adalah seramai 19 orang bersamaan 61.3% manakala responden yang berumur 36 tahun keatas adalah seramai 12 orang bersamaan 38.7%. Ini menunjukkan umur responden lingkungan 30 hingga 35 tahun lebih ramai menggunakan khidmat syarikat Peveyhack Production sebagai fotografi dan videografi perkahwinan mereka.

Bangsa  
31 responses



Carta 3: Peratusan responden mengikut bangsa


Bangsa	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
Jumlah	28 orang (90.3%)	-	3 orang (9.7%)	-

Rajah 5: Bilangan responden mengikut bangsa

Berdasarkan carta 3 diatas, responden berbangsa melayu adalah seramai 28 orang bersamaan 90.3% manakala responden berbangsa India adalah 3 orang bersamaan 9.7%. Ini menunjukkan responden berbangsa Melayu lebih ramai memilih syarikat Peveyhack Production ini.

**4.1.2 BAHAGIAN B: MENGUKUR TAHAP PEMAHAMAN RESPONDEN**

1. Adakah anda mengetahui apakah itu pemasaran?  
31 responses



Carta 4: Peratusan responden yang menjawab soalan 1


1. Adakah anda mengetahui apakah itu pemasaran?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	31 orang (100%)	-	-

Rajah 6: Bilangan responden yang menjawab soalan 1

Berdasarkan soalan yang diberikan diatas menunjukkan 31 orang responden bersamaan 100% semua mengetahui apakah itu pemasaran. Ini menunjukkan responden faham akan definisi bagi sebuah pemasaran tersebut dari pelbagai sudut.

2. Adakah anda mengetahui tentang syarikat Peveyhack Production?

31 responses




Carta 5: Peratusan responden yang menjawab soalan 2

2.Adakah anda mengetahui tentang syarikat Peveyhack Production?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	31 orang (100%)	-	-

Rajah 7: Bilangan responden yang menjawab soalan 2

Seramai 31 orang responden bersamaan 100% mengetahui syarikat Peveyhack Production ini. Hal ini kerana syarikat Peveyhack Production merupakan antara syarikat fotografi yang terkenal di negeri Selangor ini.

3. Adakah anda mengetahui apakah itu E-book?  
31 responses



Carta 6: Peratusan responden yang menjawab soalan 3


3.Adakah anda mengetahui apakah itu E-book?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	23 orang (74.2%)	8 orang (25.8%)	-

Rajah 8: Bilangan responden yang menjawab soalan 3

Mengikut carta diatas menunjukkan seramai 23 orang responden bersamaan 74.2% mengetahui apakah itu E-book manakala 8 orang responden bersamaan 25.8% tidak mengetahui apa itu E-book. Ini menunjukkan responden telah mengetahui kegunaan E-book tersebut selain digunakan sebagai pembelajaran tetapi ianya juga boleh digunakan sebagai media pemasaran bagi sesebuah syarikat.

4. Penggunaan E-book sebagai media pemasaran untuk syarikat Peveyhack Production dapat memudahkan pekerja mempromosikan produk mereka kepada pelanggan?

31 responses



Carta 7: Peratusan responden yang menjawab soalan 4

4.Penggunaan E-book sebagai media pemasaran untuk syarikat Peveyhack Production dapat memudahkan pekerja mempromosikan produk mereka kepada pelanggan?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	18 orang (58.1%)	8 orang (25.8%)	5 orang (16.1%)


Rajah 9: Bilangan responden yang menjawab soalan 4

Berdasarkan carta 7 diatas, seramai 18 orang responden bersamaan 58.1% bersetuju dengan penggunaan E-book sebagai media pemasaran bagi syarikat Peveyhack Production bagi memudahkan pekerja mempromosikan produk mereka kepada pelanggan manakala seramai 8 orang responden bersamaan 25.8% tidak bersetuju. Seramai 5 orang responden bersamaan 16.1% tidak pasti dengan penggunaan

E-book dapat memudahkan pekerja syarikat ini. Responden bersetuju kerana penggunaan buku elektronik ini sememangnya dapat memudahkan pekerja mempromosikan produk mereka di dalam buku elektronik. Hal ini kerana mereka dapat memasukkan produk dan servis yang mereka buat di dalam buku elektronik ini. Contohnya seperti gambar-gambar kahwin yang sudah diedit dan juga video perkahwinan, mereka dapat memasukkan gambar kedalam buku elektronik untuk pelanggan melihat hasil kerja syarikat ini sekaligus ianya dapat mempromosikan produk mereka kepada pelanggan.

5. Penggunaan E-book dapat menyampaikan maklumat berkaitan syarikat, produk dan servis dengan mudah kepada pelanggan?

31 responses




Carta 8: Peratusan responden yang menjawab soalan 5

5.Penggunaan E-book dapat menyampaikan maklumat berkaitan syarikat, produk dan servis dengan mudah kepada pelanggan?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	15 orang (48.4%)	9 orang (29%)	7 orang (22.6%)

Rajah 10: Bilangan responden yang menjawab soalan 5

Dari dapatan kajian yang dilakukan, seramai 15 orang responden bersamaan 48.4% bersetuju penggunaan buku elektronik dapat menyampaikan maklumat berkaitan syarikat, produk dan servis dengan mudah kepada pelanggan manakala 9 orang responden bersamaan 29% tidak bersetuju dengan kenyataan soalan diatas. 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak pasti dengan penggunaan buku elektronik dapat menyampaikan maklumat kepada pelanggan dengan mudah. Responden lebih ramai bersetuju kerana penggunaan buku elektronik ini dapat digunakan sebagai media dalam mempromosikan produk mereka. Hal ini kerana, pekerja syarikat dapat memasukkan segala maklumat tentang syarikat, produk dan servis di dalam sebuah buku elektronik sahaja tanpa perlu menyampaikan lebih mendalam kepada pelanggan. Pekerja hanya perlu menghantar buku elektronik ini kepada pelanggan supaya pelanggan dapat melihat dengan mudah apa yang ditulis di dalam buku elektronik tersebut.

6. Gambar-gambar serta video perkahwinan yang ditangkap oleh pekerja syarikat Peveyhack Production dimasukkan ke dalam E-book dapat mem...uk melihat hasil kerja fotografi dan videografi?  
31 responses



Carta 9: Peratusan responden yang menjawab soalan 6

6.Gambar-gambar serta video perkahwinan yang ditangkap oleh	Ya	Tidak	Mungkin




pekerja syarikat Peveyhack Production dimasukkan kedalam E- book dapat memudahkan pelanggan untuk melihat hasil kerja fotografi dan videografi			
Jumlah	17 orang (54.8%)	7 orang (22.6%)	7 orang (22.6%)

Rajah 11: Bilangan responden yang menjawab soalan 6

Carta 9 menunjukkan seramai 17 orang responden bersamaan 54.8% bersetuju bahawa gambar-gambar serta video perkahwinan yang ditangkap oleh pekerja syarikat Peveyhack Production dimasukkan ke dalam buku elektronik ini manakala 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak bersetuju. Selebihnya 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak pasti dengan soalan tersebut. Responden lebih bersetuju dengan soalan ini kerana dengan memasukkan gambar-gambar serta video perkahwinan di dalam buku elektronik ini akan memudahkan pelanggan untuk melihat hasil kerja pekerja di syarikat Peveyhack Production ini. Hal ini sekaligus dapat menarik minat mereka untuk menggunakan servis syarikat ini jika mereka berkenan dengan hasil kerja pekerja di syarikat ini.

7. Adakah E-book dapat digunakan sebagai medium mempromosikan produk dengan mudah kepada orang ramai?

31 responses



Carta 10: Peratusan responden yang menjawab soalan 7


7.Adakah E-book dapat digunakan sebagai medium mempromosikan produk dengan mudah kepada orang ramai?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	17 orang (54.8%)	6 orang (19.4%)	8 orang (25.8%)

Rajah 12: Bilangan responden yang menjawab soalan 7

Carta 10 menunjukkan 17 orang responden bersamaan 54.8% bersetuju manakala 6 orang responden bersamaan 19.4% tidak bersetuju. Seramai 8 orang responden bersamaan 25.8% tidak pasti bahawa buku elektronik dapat digunakan sebagai medium mempromosikan produk dengan mudah kepada orang ramai. 17 orang responden bersetuju bahawa penggunaan buku elektronik dapat memudahkan orang ramai. Ini kerana pekerja syarikat dapat memasukkan segala promosi yang dilakukan oleh syarikat ke dalam buku elektronik dan mengedarkannya di laman sosial supaya pelanggan lain dapat memuat turun buku elektronik tersebut. Pekerja syarikat juga tidak

perlu bersusah payah untuk menerangkan lebih banyak kepada pelanggan kerana maklumat yang lengkap telah dimasukkan ke dalam buku elektronik tersebut.

8. Adakah penggunaan E-book dapat menjadikan sebuah medium pemasaran yang menarik bagi sesebuah syarikat?  
31 responses



Carta 11: Peratusan responden yang menjawab soalan 8

8.Adakah penggunaan E-book dapat menjadikan sebuah medium pemasaran yang menarik bagi sesebuah syarikat?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	17 orang (54.8%)	6 orang (19.4%)	8 orang (25.8%)


Rajah 13: Bilangan responden yang menjawab soalan 8

Carta 11 menunjukkan 17 orang responden bersamaan 54.8% bersetuju manakala 6 orang responden bersamaan 19.4% tidak bersetuju penggunaan buku elektronik dapat menjadikan sebuah medium pemasaran yang menarik. 8 orang

responden bersamaan 25.8% pula tidak pasti dengan kenyataan ini. Responden bersetuju penggunaan buku elektronik menjadikan sebuah medium pemasaran yang menarik bagi syarikat. Hal ini kerana tidak banyak syarikat menggunakan buku elektronik sebagai medium pemasaran untuk produk mereka. Penggunaan buku elektronik ini dapat membantu syarikat mempromosikan produk dan servis mereka dengan lebih menarik dan berkesan.

9. Adakah penggunaan E-book dapat memudahkan syarikat menyampaikan maklumat tentang sesuatu produk mereka?

31 responses




Carta 12: Peratusan responden yang menjawab soalan 9

9.Adakah penggunaan E-book dapat memudahkan syarikat menyampaikan maklumat tentang sesuatu produk mereka?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	17 orang (54.8%)	9 orang (29%)	5 orang (16.1%)

Rajah 14: Bilangan responden yang menjawab soalan 9

Carta 12 menunjukkan seramai 17 orang responden bersamaan 54.8% bersetuju manakala 9 orang responden bersamaan 29% tidak bersetuju. 5 orang responden pula tidak pasti bahawa penggunaan buku elektronik dapat memudahkan syarikat menyampaikan maklumat tentang sesuatu produk mereka. 17 orang responden bersetuju penggunaan buku elektronik dapat memudahkan syarikat menyampaikan maklumat tentang sesuatu produk kerana mereka hanya perlu memasukkan segala maklumat berkaitan produk dan servis ke dalam buku elektronik. Ianya akan memudahkan pekerja kerana mereka tidak perlu menghantar pesanan yang panjang kepada pelanggan untuk cerita lebih mendalam berkaitan produk kerana ianya sudah dimasukkan ke dalam buku elektronik.

10. Penggunaan E-book dapat memudahkan pelanggan mendapatkan informasi berkaitan produk bagi sesebuah syarikat?  
31 responses



Carta 13: Peratusan responden yang menjawab soalan 10

10.Penggunaan E-book dapat memudahkan pelanggan mendapatkan informasi berkaitan produk bagi sesebuah syarikat?	Ya	Tidak	Mungkin


Jumlah	18 orang (58.1%)	8 orang (25.8%)	5 orang (16.1%)
--------	---------------------	--------------------	--------------------

Rajah 15: Bilangan responden yang menjawab soalan 10

Berdasarkan carta 13 di atas, seramai 18 orang responden bersamaan 58.1% bersetuju penggunaan buku elektronik dapat memudahkan pelanggan mendapatkan informasi berkaitan produk bagi sesebuah syarikat manakala 8 orang responden bersamaan 25.8% tidak bersetuju. 5 orang responden bersamaan 16.1% tidak pasti penggunaan buku elektronik memudahkan pelanggan mendapatkan maklumat. 18 orang responden bersetuju bahawa penggunaan buku elektronik memudahkan pelanggan mendapatkan informasi kerana di dalam buku elektronik sudah dimasukkan tentang maklumat berkaitan produk dan servis untuk memudahkan pelanggan tanpa perlu bertanya kepada pekerja syarikat. Hal ini kerana di dalam buku elektronik tersebut sudah dimasukkan segala tentang produk dan servis yang dilakukan oleh syarikat Peveyhack Production ini.

11. Adakah penggunaan E-book mampu menarik minat orang untuk melihat apa yang ingin disampaikan?

31 responses



Carta 14: Peratusan responden yang menjawab soalan 11


11. Adakah penggunaan E-book mampu menarik minat orang untuk melihat apa yang ingin disampaikan?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	15 orang (48.4%)	9 orang (29%)	7 orang (22.6%)

Rajah 16: Bilangan responden yang menjawab soalan 11

Berdasarkan carta 14 di atas, 15 orang responden bersamaan 48.4% bersetuju manakala 9 orang responden bersamaan 29% tidak bersetuju. Selebihnya seramai 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak pasti penggunaan buku elektronik mampu menarik minat orang ramai untuk melihat apa yang ingin disampaikan. Responden bersetuju penggunaan buku elektronik mampu menarik minat orang untuk melihat apa yang ingin disampaikan kerana ianya mempunyai maklumat yang lengkap. Selain itu,

rekabentuk buku elektronik yang menarik dapat membuatkan pelanggan tertarik untuk melihat apa yang disampaikan di dalam buku elektronik tersebut.

12. Penggunaan E-book mampu memberikan kaedah baru dalam mempromosikan produk?  
31 responses



Carta 15: Peratusan responden yang menjawab soalan 12

12.Penggunaan E-book mampu memberikan kaedah baru dalam mempromosikan produk?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	19 orang (61.3%)	7 orang (22.6%)	5 orang (16.1%)

Rajah 17: Bilangan responden yang menjawab soalan 12


Seramai 19 orang responden bersamaan 61.3% bersetuju penggunaan buku elektronik mampu memberikan kaedah baru dalam mempromosikan produk manakala 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak bersetuju. 5 orang responden bersamaan 16.1% tidak pasti dengan penggunaan buku elektronik ini. Penggunaan buku elektronik mampu memberikan kaedah baru dalam mempromosikan produk bagi sesebuah syarikat. Penggunaan buku elektronik digunakan kerana ianya mudah untuk disebar



kepada orang. Mereka dapat memasukkan segala maklumat tentang produk di dalam buku elektronik lalu memberikan kepada orang ramai untuk melihat apa yang disampaikan.

#### 4.1.3 BAHAGIAN C: SOALAN MENGENAI OBJEKTIF DAN ISI KAJIAN

1. Adakah penggunaan E-book sebagai media pemasaran baru bagi meningkatkan penjualan produk dalam syarikat Peveyhack Production dapat ...ingkatkan hasil jualan produk/dan servis mereka?  
31 responses




Carta 16: Peratusan responden yang menjawab soalan 1

1. Adakah penggunaan E-book sebagai media pemasaran baru bagi meningkatkan penjualan produk dalam syarikat Peveyhack Production dapat menunjukkan kesan positif dalam meningkatkan hasil jualan produk dan servis mereka?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	20 orang (64.5%)	4 orang (12.9%)	7 orang (22.6%)

Rajah 18: Bilangan responden yang menjawab soalan 1

Seramai 20 orang responden bersamaan 64.5% bersetuju penggunaan buku elektronik dapat meningkatkan hasil jualan produk dan servis manakala 4 orang responden bersamaan 12.9% tidak bersetuju. Seramai 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak pasti dengan penggunaan buku elektronik mampu meningkatkan hasil jualan syarikat. Responden lebih bersetuju bahawa buku elektronik dapat menunjukkan kesan postifi dalam meningkatkan hasil jualan produk dan servis di syarikat Peveyhack Production kerana penggunaan buku elektronik ini dapat memudahkan syarikat mempromosikan produk mereka dengan mudah kepada pelanggan. Pekerja hanya perlu membagikan buku elektronik ini di media sosial mereka sahaja untuk pelanggan memuatnaik buku elektronik tersebut.

2. Gambar perkahwinan yang ditangkap oleh fotografi dimasukkan ke dalam E-book dapat memudahkan pelanggan untuk melihat hasil kerja di syarikat Peveyhack Production ini?  
30 responses



Carta 17: Peratusan responden yang menjawab soalan 2


2.Gambar perkahwinan yang ditangkap oleh fotografi dimasukkan ke dalam E-book dapat memudahkan	Ya	Tidak	Mungkin

pelanggan untuk melihat hasil kerja di syarikat Peveyhack Production ini?			
Jumlah	18 orang (60%)	7 orang (23.3%)	5 orang (16.7%)

Rajah 19: Bilangan responden yang menjawab soalan 2

Berdasarkan carta 17 diatas, seramai 18 orang responden bersamaan 60% setuju manakala 7 orang responden bersamaan 23.3% tidak bersetuju. 5 orang responden bersamaan 16.7% pula tidak pasti. Gambar perkahwinan yang ditangkap oleh fotografi dimasukkan ke dalam buku elektronik ini dapat memudahkan pelanggan untuk melihat hasil kerja di syarikat Peveyhack Production ini. Ianya sekaligus dapat memudahkan pelanggan tanpa perlu pergi ke laman sosial mereka untuk melihat hasil gambar yang ditangkap.

3. Adakah pelanggan dapat menerima penggunaan E-book sebagai medium pemasaran?  
31 responses



Carta 18: Peratusan responden yang menjawab soalan 3


3.Adakah pelanggan dapat menerima penggunaan E-book sebagai medium pemasaran?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	21 orang (67.7%)	6 orang (19.4%)	4 orang (12.9%)

Rajah 20: Bilangan responden yang menjawab soalan 3

21 orang responden bersamaan 67.7% setuju manakala 6 orang bersamaan 19.4% tidak setuju. Selebihnya 4 orang responden bersamaan 12.9% tidak pasti adakah pelanggan dapat menerima penggunaan buku elektronik sebagai medium pemasaran syarikat Peveyhack Production. Seramai 21 orang responden bersetuju penggunaan buku elektronik ini dapat diterima oleh pelanggan sebagai medium pemasaran bagi syarikat ini. Hal ini kerana ianya juga dapat memudahkan pelanggan untuk mendapatkan maklumat tentang syarikat ini. Pelanggan juga dapat melihat produk yang dijual di dalam buku elektronik sekaligus dapat memudahkan pelanggan tanpa perlu melihat gambar di media sosial syarikat. Segala maklumat dan promosi syarikat akan dimasukkan ke dalam buku elektronik ini.

4. Penggunaan E-book memudahkan syarikat mempromosikan produk?

31 responses



Carta 19: Peratusan responden yang menjawab soalan 4


4.Penggunaan E-book memudahkan syarikat mempromosikan produk?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	18 orang (58.1%)	7 orang (22.6%)	6 orang (19.4%)

Rajah 21: Bilangan responden yang menjawab soalan 4

Seramai 18 orang responden bersamaan 58.1% setuju manakala 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak bersetuju. 6 orang responden bersamaan 19.4% tidak pasti penggunaan buku elektronik ini memudahkan syarikat mempromosikan produk. 18 orang responden bersetuju bahawa penggunaan buku elektronik ini memudahkan syarikat mempromosikan produk. Hal ini kerana pekerja syarikat hanya perlu memasukkan maklumat tentang produk, servis dan harga jualan dalam buku elektronik sahaja. Penggunaan buku elektronik juga memudahkan pekerja menyebarkan kepada orang ramai kerana ianya mudah digunakan.

5. Penggunaan E-book dapat meningkatkan penjualan produk bagi syarikat?

31 responses




Carta 20: Peratusan responden yang menjawab soalan 5

5.Penggunaan E-book dapat meningkatkan penjualan produk bagi syarikat?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	17 orang (54.8%)	9 orang (29%)	5 orang (16.1%)

Rajah 22: Bilangan responden yang menjawab soalan 5

Berdasarkan carta 20 diatas, seramai 17 orang responden bersamaan 54.8% setuju manakala 9 orang responden bersamaan 29% tidak bersetuju. 5 orang responden bersamaan 16.1% tidak pasti penggunaan buku elektronik ini mampu meningkatkan penjualan produk bagi syarikat. Seramai 17 orang responden bersetuju bahawa penggunaan buku elektronik dapat meningkatkan penjualan produk syarikat Peveyhack Production. Hal ini kerana penggunaan media yang lebih menarik dan berkesan mampu meningkatkan penjualan produk dan servis syarikat ini. Melalui buku elektronik ini, pelanggan mampu mendapatkan informasi tentang produk dan servis yang dijual dengan mudah.

6. Adakah penggunaan E-book dapat menjadi medium pemasaran yang berkesan bagi syarikat?  
31 responses




Carta 21: Peratusan responden yang menjawab soalan 6

6.Adakah penggunaan E-book dapat menjadi medium pemasaran yang berkesan bagi syarikat?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	20 orang (64.5%)	6 orang (19.4%)	5 orang (16.1%)

Rajah 23: Bilangan responden yang menjawab soalan 6

Seramai 20 orang responden bersamaan 64.5% setuju manakala 6 orang responden bersamaan 19.4% tidak setuju. Selebihnya 5 orang responden bersamaan 16.1% tidak pasti penggunaan buku dapat menjadi medium pemasaran yang berkesan bagi syarikat. Responden bersetuju bahawa penggunaan buku elektronik dapat menjadi medium pemasaran yang berkesan bagi syarikat. Hal ini kerana penggunaan buku elektronik ini mudah dihasilkan dan kos yang rendah untuk membuatnya.

7. Rekaletak antara gambar dan tulisan yang tersusun dapat menghasilkan E-book yang menarik?  
31 responses



Carta 22: Peratusan responden yang menjawab soalan 7

7.Rekaletak antara gambar dan tulisan yang tersusun dapat menghasilkan E-book yang menarik?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	19 orang (61.3%)	9 orang (29%)	3 orang (9.7%)


Rajah 24: Bilangan responden yang menjawab soalan 7

Carta 22 diatas menunjukkan seramai 19 orang responden bersamaan 61.3% setuju bahawa rekaletak antara gambar dan tulisan yang tersusun dapat menghasilkan buku elektronik yang menarik manakala seramai 9 orang responden bersamaan 29% tidak bersetuju. 3 orang responden bersamaan 9.7% tidak pasti tentang ini. Rekaletak buku elektronik perlulah bersesuaian bagi menghasilkan buku elektronik yang menarik. Rekaletak yang menarik mampu menarik pelanggan untuk melihat apakah yang ingin disampaikan oleh syarikat. Rekaletak memainkan peranan yang penting bagi



menghasilkan sebuah buku elektronik yang sesuai sebagai medium pemasaran bagi syarikat Peveyhack Production ini.

8. Penggunaan warna yang menarik dapat menarik orang ramai melihat apa yang ingin disampaikan?  
31 responses



Carta 23: Peratusan responden yang menjawab soalan 8


8.Penggunaan warna yang menarik dapat menarik orang ramai melihat apa yang ingin disampaikan?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	18 orang (58.1%)	5 orang (16.1%)	8 orang (25.8%)

Rajah 25: Bilangan responden yang menjawab soalan 8

Berdasarkan carta 23 diatas, 18 orang responden bersamaan 58.1% setuju bahawa penggunaan warna memainkan peranan yang penting untuk menarik orang ramai melihat apa yang ingin disampaikan manakala 5 orang responden bersamaan 16.1% tidak bersetuju tentang kenyataan tersebut dan 8 orang responden bersamaan

25.8% tidak pasti. Penggunaan warna amat memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan buku elektronik yang menarik. Hal ini kerana penggunaan warna yang menarik dapat menarik orang ramai untuk melihat apakah yang ingin disampaikan. Psikologi warna banyak digunakan di dalam pemasaran dan penjenamaan sesuatu produk. Ini kerana warna dapat mempengaruhi emosi dan persepsi seseorang pengguna mengenai barang dan perkhidmatan.

9. Susunan gambar yang teratur dapat menghasilkan E-book yang menarik?  
31 responses



Carta 24: Peratusan responden yang menjawab soalan 9


9.Susunan gambar yang teratur dapat menghasilkan E-book yang menarik?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	17 orang (54.8%)	7 orang (22.6%)	7 orang (22.6%)

Rajah 26: Peratusan responden yang menjawab soalan 9

Seramai 17 orang responden bersamaan 54.8% setuju bahawa susunan gambar yang teratur dapat menghasilkan E-book yang menarik manakala seramai 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak bersetuju dan 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak pasti. Susunan gambar memainkan peranan yang penting dalam penghasilan buku elektronik yang menarik. Hal ini kerana rekabentuk buku elektronik yang teratur dapat memberikan pelanggan tertarik untuk melihatnya. Sifat manusia yang suka akan kekemasan akan menyukai sesuatu yang tersusun dengan teratur sekaligus dapat menghasilkan buku elektronik yang menarik.

10. Infomasi berkaitan servis dan produk yang dijual diletakkan di dalam E-book dapat memudahkan pelanggan?

31 responses



Carta 25: Peratusan responden yang menjawab soalan 10

10.Informasi berkaitan servis dan produk yang dijual diletakkan di dalam E-book dapat memudahkan pelanggan?	Ya	Tidak	Mungkin
Jumlah	20 orang (64.5%)	4 orang (12.9%)	7 orang (22.6%)


## Rajah 27: Bilangan responden yang menjawab soalan 10

Carta 25 menunjukkan seramai 20 orang responden bersamaan 64.5% setuju bahawa informasi berkaitan servis dan produk yang dijual diletakkan di dalam buku elektronik dapat memudahkan pelanggan manakala 4 orang responden bersamaan 12.9% tidak bersetuju dan 7 orang responden bersamaan 22.6% tidak pasti. Informasi yang dimasukkan ke dalam buku elektronik memang memudahkan pelanggan kerana mereka tidak perlu mencari segala maklumat di media sosial kerana sudah ada segala informasi di dalam buku elektronik tersebut. Pelanggan juga tidak bersusah payah untuk menanyakan satu persatu kepada pekerja syarikat Peveyhack Production ini kerana ianya sudah ditulis di dalam buku elektronik. Oleh itu, ianya memang memudahkan pengguna untuk membeli produk dan servis yang ditawarkan oleh syarikat ini.


### **4.2 PEMBANGUNAN PRODUK**

Pembangunan sesebuah produk melibatkan beberapa fasa pembangunan dan juga langkah. Antara langkah-langkah pembangunan produk ialah Pra-Produksi, Produksi dan juga Pos Produksi. Fasa pertama pembangunan produk adalah pembangunan konsep. Konsep ini perlulah berasaskan idea-idea pengkaji seperti sesi brainstorming, melukis atau melakar pada kertas dan lain-lain lagi. Fasa kedua pula ialah penghasilan dan fasa terakhir ialah pengujian.

### 4.3 PROSES PENGHASILAN BUKU ELEKTRONIK




Rajah 28: Merekabentuk buku elektronik



Rajah 29: Memasukkan bingkai gambar kedalam buku elektronik




Rajah 30: Memasukkan gambar kedalam bingkai



Rajah 31: Memasukkan maklumat berkaitan syarikat kedalam buku elektronik



Rajah 32: Memasukkan gambar fotografi kedalam buku elektronik



Rajah 33: Memasukkan harga pakej produk dan servis syarikat



Rajah 34: Memasukkan laman sosial syarikat kedalam buku elektronik

#### 4.4 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengkaji mendapatkan data untuk dianalisis daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden seramai 31 orang. Tujuan borang soal selidik diberikan adalah untuk melihat sejauhmanakah penggunaan buku elektronik ini dapat menarik minat orang ramai untuk menggunakannya. Majoriti responden bersetuju bahawa penggunaan buku elektronik ini dapat meningkatkan penjualan produk dan servis di syarikat Peveyhack Production ini. Selepas data diperolehi daripada borang soal selidik, pengkaji akan membuat analisis data untuk melihat hasil kajian yang dijalankan.



## **BAB 5**

### **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.0 PENGENALAN**

Bab ini adalah untuk membuat kesimpulan kepada kesemua analisis yang telah dibuat setelah memperolehi data yang lengkap diisi oleh 31 orang responden melalui soalan soal selidik menggunakan 'Google Form'. Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif dalam kajian tentang buku elektronik (E-book) sebagai media pemasaran baru bagi meningkatkan penjualan produk dalam syarikat Peveyhack Production. Kesimpulan yang telah dibuat secara keseluruhan, diringkaskan dan dipadatkan melalui dapatan dalam kajian dan melalui penambahan nilai dalam subjek kajian.

#### **5.1 RUMUSAN KAJIAN**

Secara keseluruhan kajian ini adalah untuk melihat adakah buku elektronik ini dapat memberi kesan dalam menyampaikan maklumat produk dan servis kepada pelanggan dan adakah buku elektronik ini dapat diterima dan membantu syarikat

Peveyhack Production menyampaikan maklumat berkaitan produk mereka. Pengkaji telah pun mendapatkan data-data daripada 31 responden melalui soalan soal selidik yang diedarkan secara online. Data-data yang diperolehi menunjukkan responden tertarik dengan penggunaan buku elektronik sebagai media pemasaran kerana ianya dapat memudahkan mereka mendapatkan maklumat berkaitan servis dan produk yang dijual oleh syarikat Peveyhack Production ini.

Setelah menganalisis data-data yang diperolehi dari soalan soal selidik yang telah dibuat, maka pengkaji telah membincangkan dan telah merumuskan beberapa keputusan berdasarkan kajian ini. Majoriti responden berpuas hati dengan penggunaan buku elektronik sebagai media pemasaran bagi syarikat ini. Hal ini kerana, ianya dapat memudahkan pelanggan untuk mendapatkan maklumat berkaitan produk dan servis yang dilakukan oleh syarikat. Pekerja syarikat juga mudah untuk menyebarkan maklumat berkaitan produk dan servis kepada pelanggan dengan memberikan buku elektronik kepada pelanggan yang bertanyakan kepada pekerja mengenai servis yang dilakukan oleh syarikat ini. Pelanggan hanya perlu memuatnaik buku elektronik untuk mendapatkan maklumat produk dan servis yang dijual.

## **5.2 CADANGANKAJIAN**

Cadangan ini diberikan oleh responden untuk pengkaji supaya menambahbaik lagi buku elektronik yang dihasilkan. Beberapa cadangan telah dicatatkan untuk penambahbaikan untuk memudahkan pelanggan menggunakan buku elektronik ini. Terdapat beberapa responden menyatakan untuk mengemaskini buku elektronik jika

syarikat membuat promosi berkaitan produk dan servis mereka. Hal ini kerana ianya dapat memudahkan pelanggan mendapatkan maklumat tersebut dengan mudah tanpa perlu bertanyakan kepada pekerja syarikat. Selain itu, responden juga menyuruh pengkaji untuk memasukkan logo laman sosial syarikat di dalam buku elektronik supaya dapat memudahkan pelanggan untuk mencari laman sosial mereka. Ianya akan memudahkan pelanggan dengan hanya menekan logo dan terus sampai ke laman sosial syarikat ini.

### **5.3 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui berkaitan kajian tentang buku elektronik sebagai media pemasaran baru bagi meningkatkan penjualan produk dalam syarikat Peveyhack Production menunjukkan rata-rata responden bersetuju dengan penggunaan buku elektronik ini dapat memudahkan mereka mendapatkan maklumat berkaitan syarikat. Pekerja syarikat juga mudah untuk mempromosikan produk mereka kepada orang ramai dengan memberikan buku elektronik ini kepada pelanggan di media sosial mereka. Selain itu, penggunaan buku elektronik mudah untuk digunakan kerana ianya dapat memasukkan segala maklumat, gambar dan lain-lain lagi untuk memudahkan orang ramai menggunakannya.

Saranan pengkaji adalah supaya pengkaji diluar sana untuk memperbaiki lebih baik berkaitan kajian penggunaan buku elektronik ini sebagai media pemasaran bagi sesebuah syarikat dan menyambung penyelidikan ini supaya lebih ramai orang

mengetahui penggunaan buku elektronik ini bukan sahaja untuk pendidikan malah ianya juga dapat digunakan dalam perniagaan. Hal ini kerana tidak banyak kajian yang dilakukan berkaitan penggunaan buku elektronik sebagai media pemasaran. Kajian buku elektronik ini lebih kepada pendidikan menyebabkan ianya sukar untuk mendapatkan lebih banyak maklumat. Saranan pengkaji untuk menunjukkan kepada orang ramai bahawa penggunaan buku elektronik ini mampu menjadi media pemasaran yang baru bagi sesebuah syarikat dalam mempromosikan produk mereka kepada orang ramai.

Pengkaji juga berharap buku elektronik yang dibangunkan ini dapat dipasarkan oleh syarikat supaya lebih ramai orang menggunakan buku elektronik ini sebagai medium pemasaran. Hasil kajian yang dijalankan juga menunjukkan responden juga bersetuju bahawa penggunaan buku elektronik ini mampu memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat berkaitan syarikat dan sekaligus ianya juga dapat memudahkan pekerja syarikat untuk mempromosikan produk mereka kepada orang ramai.

## RUJUKAN

- Ahmad Munir, W. Abd Aziz & Noor Maizura. (2011). *Kesan sumber-sumber teknologi dan kemahiran pengurusan e-dagang ke atas keupayaan organisasi di Malaysia. International Conference on Management Proceeding.*
- Connaway, L. S. (2003). *Electronic books (ebooks): current trends and future direction. DESIDOC Bulletin of Information Technology, 23 (1) 13-18.*
- Clister, J. (1999). *Electronic Books. Conference on Human Factors in Computing Systems, CHI99 Workshop: Designing Electronic Books (ACM).  
[www.fxpal.com/ConferencesWorkshops/chi99deb/submissions/clister.htm](http://www.fxpal.com/ConferencesWorkshops/chi99deb/submissions/clister.htm)*
- Godwin, J.R. (2003). *E- Books and the tablet PC. Language Learning & Technology 7(1): 4 - 8.*
- Lynch, C. (2001). *The battle to define the future of the book in the digital world. First Monday. Jil. 6, Bil. 6.*
- Norshuhada Shiratuddin & Shahizan Hassan. 2004. *E-reading in organizations: users' satisfaction and preference. Malaysian Management Journal, 8 (2): 33-44.*
- Jacob, Neyole Misiko. 2014. "A Study Of E-Books And C-Books Utilization By University Students And Faculties In Kenya". *International Journal of*

*Technology Enhancements and Emerging Engineering Research. Vol 2. Issue 11.*

Diakses dalam <https://www.researchgate.net/>



Mentari, Dwi dkk. 2008. "Pengembangan Media Pembelajaran E-Book Berdasarkan Hasil Riset Elektroforesis 2-D untuk Mengukur Kemampuan Berpikir Kreatif Mahasiswa". *PENDIPA Journal of Science Education*. 2 (2). Diakses dalam <https://ejournal.unib.ac.id/index.php/pendipa/article/view/4651>.





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## LAMPIRAN



Buku elektronik yang dihasilkan untuk kegunaan syarikat Peveyhack Production.






MALAYSIA  
KELANTAN





MALAYSIA  
KELANTAN



FYP FTKW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN